

30/06/1999

120 persembahan muzikal di KLCC

Akmal Abdullah; Hardi Effendi Yaacob

DEWAN Filharmonik Petronas (DFP) menyediakan kira-kira 120 persembahan muzikal bagi mengisi musim keduanya bermula September ini hingga Julai tahun depan.

Daripada jumlah itu, 96 persembahan muzikal membabitkan Orkestra Filharmonik Malaysia (MPO), manakala selebihnya persembahan daripada pemuzik kumpulan orkestra terkenal dari luar negara.

Bermotokan 'Dengar, dan anda akan lihat', DFP terus menyemarakkan perkembangan muzik orkestra di negara ini sesuai dengan semangat menjelang alaf baru.

Pengerusi Petronas, Tan Sri Azizan Zainul Abidin, berkata penganjuran buat musim kedua persembahan muzikal di DFP diadakan setelah sambutan amat baik bagi musim pertama.

Musim pertama muzikal DFP ialah dari awal September lalu hingga pertengahan Julai ini.

Katanya, semua kumpulan orkestra undangan itu adalah antara yang terbaik di dunia.

"Selain membuat persembahan sendiri, sebahagian besar pemuzik undangan akan membuat persembahan bersama MPO. Bentuk persembahan lebih kurang sama dalam musim pertama.

"Kita mengadakannya buat musim kedua sebab mendapat sambutan baik di kalangan orang ramai. Sebahagian besarnya ialah orang biasa, bukan golongan berada. Orkestra bukan lagi untuk tontonan golongan elit sahaja.

"Kita yakin, usaha untuk mempopularkan persembahan muzikal berbentuk orkestra kini mula berjaya," katanya selepas melancarkan Musim Kedua Persembahan Muzikal DFP Dan MPO - September 1999/Julai 2000 di ruang legar DFP, Menara Berkembar Petronas, Kuala Lumpur City Centre (KLCC), Kuala Lumpur, kelmarin.

Turut hadir ialah Ketua Eksekutif DFP, Abdul Hamid Abu Bakar; Pengurus Besar MPO, John Duffy; Pengarah Muzik MPO, Kees Bakels dan konduktor residen MPO, Chean See Ooi.

DFP adalah sebuah dewan persembahan orkestra yang bertaraf dunia. Ia dibuka secara rasmi oleh penaungnya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 17 Ogos tahun lalu.

Persembahan untuk musim kedua dijangka membawa pelbagai keunikan berasaskan persembahan muzikal bentuk orkestra dengan gaya tersendiri dan mampu memperkayakan pengalaman dalam muzikal tempatan.

Katanya, DFP juga akan melancarkan Program Pendidikan Dan Pengembangan pada Julai ini sebagai sebahagian wawasan memajukan MPO.

Azizan juga berkata, DFP tidak pernah berniat untuk memberikan keutamaan semata-mata kepada pemuzik atau kumpulan orkestra dari luar negara.

"Saya akui, memang DFP membawa masuk banyak pemuzik atau kumpulan orkestra dari luar negara untuk membuat persembahan di sini. Ia adalah satu projek kerjasama. Tapi, ia tidak bermakna kita mengagung-agungkan mereka.

"Lagipun, ia membawa banyak kebaikan. Dalam setiap persembahan, mereka juga akan buat persembahan bersama MPO, tidak kiralah mereka pemuzik solo atau kumpulan. Dari situ, kita mendapat pendedahan khususnya kepada pemuzik dalam MPO yang dapat membuat persembahan bersama pemuzik atau kumpulan orkestra bertaraf antarabangsa.

"Kita tetap beri peluang kepada pemuzik MPO yang kebanyakannya masih

muda untuk mendapatkan pengalaman dan kepakaran, selain tunjuk ajar daripada semua pemuzik dan kumpulan orkestra terbaik dunia. Ini perlukan masa," katanya.

Menurut Azizan, langkah itu juga sebagai persediaan awal untuk membawa MPO ke peringkat antarabangsa.

"Memang itupun tujuan kita. Tapi ia tidak boleh dilakukan tergesa-gesa, sebaliknya secara berperingkat dan berdasarkan perancangan rapi. Lagipun MPO masih baru," katanya.

Selain itu, Azizan berkata, DFP juga tidak pernah mengenyepikan bentuk persembahan berasaskan warisan seni dan budaya tempatan kerana turut menganjurkan persembahan seni dan kebudayaan.

"Paling kurang, sekali dalam sebulan kita dapat kerjasama Kumpulan Persembahan Kesenian Petronas. Kita sedar tanggungjawab berkaitan usaha pengembangan seni dan budaya tempatan," katanya.

(END)